



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

16 Oktober 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Kekal insentif nelayan, pertingkat bantuan sedia ada
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Jangan buat aktiviti jejas hidupan marin
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		33 16/10/2020

Kekal insentif nelayan, pertingkat bantuan sedia ada

UM M/S 33
16/10/2020

KUALA TERENGGANU: Segala insentif dan peruntukan bagi membantu nelayan, petani serta penternak di negara ini diharap dapat diteruskan dalam Belanjawan 2021 bagi meningkatkan kualiti kehidupan golongan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), **Mat Yassim Mohamed** berkata, mereka tidak mengharapkan bantuan-bantuan baharu atau tambah nilai kerana berpuas hati dengan pemberian sedia ada yang disifatkan cukup melegakan.

"Dalam negara menghadapi situasi ketidaktentuan ekonomi, kami tidak mahu membebankan kerajaan dengan pelbagai permintaan."

"Cukuplah agar kerajaan dapat meneruskan pemberian insentif sedia ada antaranya elauan sara hidup, skim subsidi diesel dan petrol, bantuan peralatan di samping perumahan untuk warga nelayan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Mat Yassim, rata-rata nelayan bersyukur dengan pengumuman kerajaan menai-



MAT YASSIM MOHAMED

kkar semula kadar elauan sara hidup daripada RM250 kepada RM300 sebulan baru-baru ini bagi mengurangkan beban golongan itu yang terjejas akibat Covid-19.

Katanya, ketika ini terdapat kira-kira 10,000 nelayan di Terengganu.

Sementara itu seorang peniaga, **Wan Mohd. Ramzi Wan Jaafar** meminta kerajaan memberi perhatian terhadap isu harga sewa premis yang mela-

mbung tinggi hingga membebankan kalangan individu yang baharu berjinak-jinak dalam perniagaan.

Katanya, usaha kerajaan mengawal harga sewa premis secara tidak langsung melegakan kalangan peniaga untuk terus bernafas dan menjana pendapatan dalam situasi Covid-19 yang perlu mencabar.

"Ada dalam kalangan pengusaha dan pemilik bangunan meletakkan harga sewa terlalu tinggi hingga membebankan peniaga yang kebanyakannya belia.

"Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan mengawal harga sewa premis bagi membolehkan lebih ramai yang kehilangan pekerjaan mencubri bidang perniagaan sebagai mata pencarian tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata," katanya.

Bagi penduduk, **Nursyasya Nadhirah Zabidi**, 25, pembelian Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memberi manfaat besar kepada golongan sasar perlu ditingkatkan.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓ THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL			25	16/10/2020

SH M/S 25 16/10/2020

Jangan buat aktiviti jejas hidupan marin

Pengusaha produk pelancongan dikenakan tindakan jika adakan pakej sentuh penyu atau terumbu karang

Oleh NOR KHALILAH
GUSTI HASSEN

ROMPIN

Pengusaha produk pelancongan di Pahang khususnya agensi pelancongan diminta tidak mengadakan aktiviti yang boleh menjasaskan hidupan marin seperti pakej menyentuh penyu atau terumbu karang.

Pengurusan Besar Tourism Pahang, Datuk Ishak Mokhtar berkata, perbuatan demikian boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 43 dan Seksyen 27, Akta Perikanan 1985.

Menurutnya, mana-mana individu yang berada di taman laut tidak boleh menangkap

ikan, mengambil, mengalah atau memiliki hidupan atau tumbuhan akutik sama ada hidup atau mati tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan.

"Kita terima aduan terdapat pengusaha pelancongan mengadakan aktiviti memegang penyu sebagai tarikan pelancong untuk mengambil pakej dengan mereka. Ini perbuatan yang salah."

"Akta mengenai penyu ini juga disebut secara jelas di bawah seksyen 27 Akta Perikanan 1985 iaitu tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil penyu."

"Mohon ambil maklum dan tidak lagi menyediakan pakej-pakej sedemikian kerana jelas sekali hidupan marin di pulau-pulau yang digazetkan sebagai taman laut ini adalah dilindungi undang-undang," katanya.



MOND ANUAR



ISHAK

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas taklimat lawatan ke pulau-pulau perairan Rompin bagi pembangunan produk baharu pelancongan Pahang di Tanjung Gemok di sini semalam.

Ishak berkata, kedua-dua seksyen tersebut memperuntukkan hukuman denda sehingga RM20,000 maksimum, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Petugas Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Perikanan-Pahang, Mohd Anuar Roslan berkata, Malaysia merupakan salah satu daripada 12 negara mega diversiti dunia kerana kaya dengan ke-



Ishak ketika sidang akhbar selepas taklimat lawatan pulau-pulau Rompin bagi pembangunan produk baharu pelancongan Pahang di Tanjung Gemok semalam.

pelbagai biologi.

Menurutnya, selain Pahang, empat lagi tarian laut di negara ini iaitu di Terengganu, Johor, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kedah.

"Sembilan pulau di Pahang yang digazetkan sebagai taman laut adalah Pulau Tioman, Pulau Chebeh, Pulau Tulai, Pulau Labas, Pulau Jahat, Pulau

Iau Sepoi, Pulau Seri Buat, Pulau Sembilan dan Tokong Bahara.

"Sembilan pulau ini meliputi keluasan perairan 542.11 kilometer (km) dan pulau Tulai adalah taman laut yang terbesar di Pahang iaitu seluas 401.70km diikuti Pulau Seri Buat seluas 95.65km dan Pulau Tokong Bahara iaitu 44.76km." katanya.